

SULIT



SEKTOR PEMBELAJARAN
PEJABAT PENDIDIKAN KOTA BELUD

1103/2

PEPERIKSAAN
PERCUBAAN SPM

Bahasa Melayu

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
6. *Calon yang didapati meniru boleh dikenakan tindakan tatatertib.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata ganda** dan **dua kata akronim**. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata ganda** dan **kata akronim** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

MELAKA – Baru-baru ini, sekumpulan mahasiswa Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Pembuatan dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah melaksanakan program khidmat komuniti merentas sempadan negara di Thailand. Program ini turut dijayakan bersama-sama kumpulan mahasiswa dari rangkaian Universiti Teknikal Malaysia atau Malaysian Technical University Network (MTUN) yang terdiri daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat keprihatinan dan menghulurkan bantuan kepada komuniti antarabangsa yang memerlukan dan ingin berbakti di kawasan perkampungan Bantaped Thepa, Songkhla Thailand. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan termasuklah mengecat tabika, membuat latihan dalam kumpulan yang terdiri daripada kanak-kanak dan memasak untuk penduduk setempat.

(Dipetik dan diubah suai daripada
“Program Khidmat Komuniti di Thailand”
Oleh Mohd Khairulhusaini Mohd Saad,
Dewan Siswa, Bil.9, 2020)
[8 markah]

2. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat aktif** bagi ayat yang bergaris di bawah kepada kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Ayah merenung matak tepat-tepat. Aku menundukkan kepala kerana tidak selesa direnung begitu rupa. Bahuku tiba-tiba disentuh oleh ayah dengan lembut.

“Ayah menyayangi semua anak ayah”, Tiada pilih kasih. Tiada seorang pun yang terlepas daripada perhatian ayah. Ayah harap Awang faham situasi ayah sekarang, Kata Ayah. Nada suara ayah sebak, sesekali Aku melihat ayah cuba menahan air mata kerana Aku tahu ayah mau kelihatan kuat di depan kami.

Aku mengangkat mukaku, Ayah kupeluk erat.

“Maafkan Awang kerana melukakan hati Ayah,” Awang berjanji akan taat kepada Ayah. Suaraku tenggelam timbul dalam pelukkan Ayah.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku teks Bahasa Melayu
Tingkatan 5 Kementerian Pendidikan Malaysia.
[6 markah]

3. *Petikan di bawah mengandungi **sebelas** kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan keslahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada **sebelas** kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin perkataan tersebut.*

Banyak orang yang berjumpa dengan doktor gigi bila menghadapi masalah gigi, tetapi tidak banyak yang berjumpa untuk membuat peperiksaan yang teratur secara bulanan. Perjumpaan dengan seorang doktor gigi memanglah merungsingkan pesakit terutama kanak-kanak yang mengalami masalah gigi atau sakit gigi. Banyak kanak merasa takut apabila hendak berjumpa dengan doktor gigi dan adakalanya juga mereka menangis apabila sudah duduk di kerusi di dalam bilik rawatan. Pelbagai karenah yang kita lihat apabila golongan ini perlu dipujuk berulang kali. Kita boleh berjumpa dengan doktor gigi bukan semata-mata kerana masalah sakit gigi, tetapi kita juga memerlukan rawatan lain seperti rawatan masalah pertumbuhan gigi yang tidak sempurna susunannya sehingga kita memerlukan penggunaan braces.

Braces ialah alat khas yang dipasang pada gigi mereka yang menghadapi masalah susunan gigi yang tidak rata dan memerlukan alat ini untuk mengatur kembaili susunan gigi sehingga rata dan cantik. Penggunaan braces tidak sahaja untuk masalah gigi tidak rata, malah juga untuk gigi yang rongak, rahang gigi yang tidak teratur dan sebagainya.

Penggunaan braces tidak mengira usia. Ia boleh digunakan untuk kanak-kanak, remaja ataupun orang dewasa. Peringkat yang sangat sesuai dalam menggunakan braces adalah dalam usia antara 10 hingga 14 tahun. Hal ini kerana, dalam usia sebegini, pertumbuhan di bahagian kepala dan mulut masih dalam peringkat pertumbuhan dan pembesaran seseorang, khususnya di bahagian gigi. Gigi yang dipasang dengan braces akan teratur susunannya.

(Dipetik dan diubah suai daripada
Pemakaian Braces Perlu Penjagaan Yang Baik
Juara pelajar November-Disember 2015

[11 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. Syahdan negeri Melaka pun habis kubinasakan.

Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan. Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itupun datanglah. Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi.

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan’ dalam
Antologi *Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

5. *Baca petikan dialog di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Pak Uda : Lebih baik kamu kurangkan makanan yang bergula dan berlemak Azlan.

Azlan : Baik, Pak Uda. Saya akan menjaga pemakanan saya. Saya sedar menghalang penyakit lebih baik daripada mengubati penyakit.

Pak Uda : Apabila sudah terkena penyakit seperti Pak Uda ini, waktu itu kenalah makan ubat sahaja. Jadi, lebih baik kamu beringat-ingat dari sekarang agar tidak menyesal pada kemudian hari.

Azlan : Baik, Pak Uda. Saya akan beringat-ingat mulai sekarang. Pak Uda pun begitu, kalau pergi ke mana-mana jangan lupa bawa ubat. Pak Uda perlu bersedia.

[Dipetik dan diubah suai dari Buku Teks Tingkatan 5]

[35 markah]

6. *Baca bahan-bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam tempoh tiga dekad setengah yang lalu, negara kita telah mencapai kemajuan pesat dalam berbagai-bagai bidang. Keadaan sosioekonomi rakyat, kemudahan perubatan dan kesihatan, tahap pendidikan serta sistem perhubungan semakin baik. Ternyata, inilah nikmat kemerdekaan yang kita kecapai.

Saya masih dapat membayangkan kanak-kanak dahulu menderita akibat penyakit difteria, batuk kokol dan tibi serta meningitis manakala orang dewasa pula berpenyakit malaria, taun, puru dan untut. Semua ini berlaku sebelum negara kita bebas daripada cengkaman penjajah apatah lagi tahap kesedaran penjagaan kesihatan masyarakat yang rendah. Kebanyakan penyakit itu berpunca daripada keadaan sosioekonomi rakyat yang berada pada paras kemiskinan dan ketiadaan kemudahan kesihatan yang memuaskan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ucapan Masyarakat Mula Hargai Kesihatan'
Berita Harian Online, Ogos 2019.

Bahan 2

Kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KM) melaporkan prasarana kemudahan kesihatan semakin membangun disebabkan saban tahun aspek kesihatan menjadi dimensi penting dalam proses pembangunan negara. Sebagai bukti, pelbagai rancangan kesihatan turut disenaraikan dalam setiap agenda pembangunan dan belanjawan negara. Perkhidmatan perubatan dan kesihatan negara, kini boleh dibanggakan dan telah mendapat pujian daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Tabung Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pula telah memberikan pujian terhadap kejayaan kita dalam kedua-dua bidang ini. Melalui program imunisasi kebangsaan, KKM telah *berjaya mengawal* penyakit yang digolongkan sebagai pembunuh utama kanak-kanak.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian Online, Ogos 2019

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *berjaya mengawal*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan tahap kesihatan rakyat Malaysia dahulu dengan sekarang.
[3 markah]
- (iii) Penjagaan kesihatan dan pemakanan seimbang seharusnya bermula dari rumah. Oleh itu, ahli keluarga perlu mempraktikkan amalan ini sejak kecil lagi. Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil oleh seluruh ahli keluarga dalam usaha menjaga kesihatan?
[3 markah]
- (iv) Rakan baik anda menghadapi kenaikan berat badan yang mendadak selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu. Rakan anda cuba berdiet tetapi tidak berhasil. Sebagai sahabat yang prihatin, anda berhasrat untuk membantunya. Jelaskan tindakan yang boleh anda lakukan.
[4 markah]

Soalan 7-Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sejak kembali, Tuan Booth jauh berubah. Dia tak lagi terperap di estet. Pada setiap petang., biasanya selepas solat asar, dia akan menjengah ke surau. Dia akan duduk berbual-bual, bercerita itu ini, terutama dengan Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap. Ada sekali, sewaktu Ahmad Mutawakkil balik ke kampung, Tuan Booth mengundang kami ke banglonya.

“Dia pelawa kita minum teh di banglonya,” kata Ahmad Mutawakkil. “Saya fikir Tuan Booth ikhlas nak berbaik-baik.”

Kami terdiam, tak berani bersuara, menantikan kata putus daripada Imam Ngah Deraman dan Penghulu Sigap.

Akhirnya, setelah agak lama buntu, Ahmad Mutawakkil meluahkan pandangan. “Selama Tuan Booth di sini, sejak dulu lagi, tak pernah dia memusuhi kita. Jadi, saya fikir atas sifat hati Melayu, orang berbudi kita berbahasa. Hati Melayu tak reti bermusuhan, hati Melayu penuh dengan persahabatan.”

Dipetik daripada
Cinta Ahmad Mutawakkil
Oleh Zainal Rashid
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

SULIT

10

1103/2

Bahan 2

1 Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi yang baik rasa nak junjung.

2 Yang kurik kundi,

	Yang merah saga; Yang baik budi, Yang indah bahasa.
3	Bunga melati bunga di darat, Bunga seroja di tepi kali; Hina besi kerana karat, Hina manusia tiada berbudi.
4	Bunga cina di atas batu, Jatuh daunnya ke dalam ruang; Adat dunia memang begitu, Sebab emas budi terbuang.
5	Anak beruk di tepi pantai, Pandai melompat pandai berlari; Biar buruk kain dipakai, Asal hidup pandai berbudi.
6	Tingkap papan kayu bersegi, Sampan sakat di Pulau Angsa; Indah tampan kerana budi, Tinggi bangsa kerana bahasa.
7	Padang Temu padang baiduri, Tempat raja membangun kota; Bijak bertemu dengan jauhari Bagai cincin dengan permata.
	<i>Sumber: Puisi Melayu Tradisi</i> (peny) Mohd. Yusof Md. Nor dan Dr. Abd. Rahman Kaeh Dalam antologi <i>Baik Budi Indah Bahasa</i> Kementerian Pendidikan Malaysia

SULIT

11

1103/2

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan sikap Tuan Booth yang menyenangkan penduduk kampung.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kepentingan budi bahasa dalam kehidupan masyarakat.

[3 markah]

- (iii) Amalan budi bahasa dalam kalangan masyarakat di negara kita semakin luntur.

Pada pendapat anda apakah punca-punca yang menyebabkan masalah ini berlaku?

[4 markah]

- (iv) Semasa beriadah di taman rekreasi, anda terserempak dengan sekumpulan anak muda yang sedang mengganggu, meninggikan suara dan mengejek seorang tua. Anda tidak senang dengan tindakan kumpulan anak muda tersebut.

Sebagai remaja yang prihatin, bagaimanakah anda menangani situasi itu?

[4 markah]

SULIT

12

1103/2

Soalan 8

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Sebenarnya apabila teringat akan Ai Ling, aku akan teringat akan Aiman juga. Mereka seusia, cuma Aiman tua sehari sahaja daripada Ai Ling. Melihat Ai Ling, terubat juga rinduku terhadap Aiman. Telatah Ai Ling terus bermain-main di mataku. Anak bongsu Tauke Lim itu bukan sahaja

periang, malah manja.

Kopi O yang telah kubancuh tadi kini kuhirup. Kebelakangan ini payah benar mataku hendak lelap. Lantaran itu, aku hanya duduk di anjung rumah. Kadang-kadang aku menandai pelbagai buku latihan anak-anak didikku ataupun aku juga menulis rancangan pelajaran dalam buku rekod mengajarku. Kadang-kadang aku akan bersembang dengan Tauke Lim. Kadang-kadang pula aku menulis puisi atau cerpen. Malam yang hening benar-benar mendamaikan. Ilham adakalanya datang seperti hujan lebat yang turun menyirami bumi. Namun, adakalanya ilham seperti memerah kain kering

Dipetik daripada
novel *Silir Daksina*
karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah perkara yang dilakukan oleh 'aku' apabila tidak dapat melelapkan mata?

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) (Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menunjukkan keberanian watak.

[6 markah]

SULIT

13

1103/2

BAHAGIAN C: RUMUSAN
[30 markah]

9. *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

BAHAN 1

Tanggal 16 Mei pada setiap tahun menjadi hari yang ditunggu-tunggu oleh semua warga bergelar guru atau panggilan keramatnya, 'cikgu'. Pada hari tersebut, sambutan hari guru diadakan sebagai tanda kita menghargai jasa dan pengorbanan golongan guru. Antara aktiviti sambutan hari guru adalah dengan mengadakan pelbagai persembahan menarik untuk menggemirakan hati guru. Tidak cukup dengan persembahan, murid-murid juga turut memberikan hadiah dan ucapan Selamat Hari Guru yang tidak lekang di bibir mereka.

Peranan guru dilihat sebagai individu yang membina dan membentuk kualiti murid dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi memenuhi aspirasi pendidikan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka sangat berharap agar anak didik yang diasuh menjadi manusia yang berguna. Selain itu, guru mendidik murid-murid menghindari keburukan agar mereka menjadi insan yang mulia. Dalam hal ini, walaupun sesekali murid terpaksa dihukum tetapi tindakan itu diambil demi kebaikan mereka. Keikhlasan guru dalam mendidik telah menjadikan mereka mampu tersenyum puas apabila melihat kejayaan anak didiknya.

Selaku manusia yang bermaruah, kita harus bertanya kepada diri sendiri, adakah kita masih ingat kepada orang yang pernah mengajar kita suatu masa dahulu? Kita seharusnya bertanya khabar dan menziarahi mereka walaupun sudah berjawatan tinggi selain menitipkan doa kepada mereka agar sentiasa sejahtera. Bagi mereka yang sudah meninggalkan alam persekolahan jasa guru hendaklah sentiasa dalam ingatan kerana hasil didikan guru telah meletakkan mereka pada kedudukan sekarang. Semua perkara ini sebagai bukti untuk menghargai jasa guru selama ini. Jadi, janganlah kita berasa sombong dengan pencapaian kita pada hari ini kerana sejarah kejayaan seseorang dimulakan oleh seorang guru biasa.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana
'Guru Dihargai Mampu Galas Tanggungjawab'
Oleh Mary Yap Kain Ching,
Berita Harian, 17 Mei 2016

BAHAN 2

